



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

## KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN MENJADI PLATFORM PENYATUAN MASYARAKAT KOMUNITI SETEMPAT

**KUALA LUMPUR, 25 Februari 2018** – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan bersama-sama 3,000 komuniti di Parlimen Seputeh menjayakan Kenduri 1Wilayah Persekutuan di Bandar Baru Sri Petaling. Program ini diadakan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2018 yang merupakan *signature* program SHWP pada setiap tahun.

Program ini mendapat kerjasama dan penyertaan yang tinggi daripada rakyat kerana dilihat memberi impak yang positif kepada semua warga Wilayah Persekutuan dari aspek meningkatkan kesejahteraan kehidupan rakyat bersesuaian dengan tema SHWP 2018 iaitu “Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera”. Kenduri 1Wilayah Persekutuan ini adalah salah satu daripada 35 program yang telah disusun sepanjang bulan februari bagi menjayakankan SHWP.

Pelbagai inisiatif untuk mensejahterakan rakyat khususnya di Wilayah Persekutuan telah diambil seperti pembinaan rumah pelbagai kategori bagi memenuhi permintaan penduduk di Parlimen Seputeh. Antara projek perumahan sedang dibina adalah Residensi Jalilmas, Residensi Desa Satumas, Residensi Rimbulan dan Residensi Lanai manakala bagi memenuhi keperluan penduduk di dalam kategori B40, kerajaan turut membina perumahan kos rendah seperti Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Sri Endah Bandar Baru Seri Petaling dan Rumah Pangsa Kos Rendah Seri Lempah Taman Desa.

Selain itu, kerajaan juga mengambil inisiatif untuk membantu mengecat flat rumah swasta di Jalan Gempita, walaupun sepatutnya perumahan kos rendah tersebut perlu dipertanggungjawabkan kepada *Management Community* namun demi menceriakan kawasan perumahan dan memberi keselesaan kepada rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah di Parlimen Seputeh, kerajaan terus menyumbangkan dana melalui program mengecat semula flat PPR/PA.

Kerajaan juga telah membina 2 buah dewan komuniti di Sri Petaling dan PPR Muhibbah dengan pelbagai kemudahan seperti gimnasium, gelanggang badminton, surau dan sebagainya bagi membolehkan penduduk di sini menjalankan aktiviti bermasyarakat dengan selesa dan kondusif.

Melalui pelaksanaan Kenduri Wilayah Persekutuan dapat menanam semangat kebersamaan dan keharmonian dalam kalangan rakyat. Selain itu, program di bawah kluster mesra rakyat ini telah menjadi signature program di dalam SHWP setiap tahun. Program yang diperkenalkan pada tahun 2011 sehingga kini ini masih menjadi acara yang ditunggu-tunggu oleh komuniti setempat. Melalui pelaksanaan program ini, pemimpin berpeluang mendekati rakyat bagi mendengar permasalahan rakyat dan menangani isu-isu setempat dengan segera. Penyertaan warga Wilayah Persekutuan di dalam program-program SHWP 2018 akan menyemarakkan semangat keharmonian dan kerjasama sesama masyarakat.

**Disediakan oleh :**

**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Wilayah Persekutuan**